

WAN NOORLIZAWATI Wan Mat Ali

NAZIRAH Lee

SITI ZAHRAH Mahfood

Universiti Pendidikan Sultan Idris

**TANGGUNGJAWAB GURU DALAM MEMPERKASAKAN
PENDIDIKAN MENURUT MAJALAH BERBAHASA MELAYU
1940-AN HINGGA 1950-AN**

**TEACHERS' RESPONSIBILITY IN ENHANCING THE QUALITY OF
EDUCATION FROM THE LENS OF MALAY MAGAZINES IN THE
1940S TO 1950S.**

Makalah ini bertujuan untuk memperlihatkan satu sisi baharu dalam sejarah perkembangan pendidikan sekular di Tanah Melayu sepanjang 1940-an sehingga 1950-an. Ia memberi tumpuan kepada perbincangan yang diterbitkan di dalam majalah dan akhbar berbahasa Melayu berkaitan dengan tanggungjawab guru untuk memperbaiki mutu pengajaran mereka. Kajian ini dijalankan dengan kaedah kajian keperpustakaan dengan menggunakan pendekatan kualitatif. Maklumat berkenaan pendidikan dicerap daripada sumber majalah berbahasa Melayu sebagai sumber utama seperti Majalah Guru, Panduan Raayat, Sahabat dan Bintang Malaya. Di samping itu, sumber sekunder seperti buku dan artikel turut digunakan. Hasil kajian memperlihatkan guru-guru seharusnya mempunyai kreativiti dalam pengajaran di samping memiliki keperibadian yang baik. Malah, pihak kerajaan turut memberikan perhatian kepada isu berkaitan pendidikan dan berusaha membasmikan masalah buta huruf dengan menggunakan siaran radio. Ringkasnya, perbincangan tentang strategi dan metodologi pengajaran serta keperibadian guru yang diterbitkan dalam majalah berbahasa Melayu dalam tempoh kajian adalah sumber berharga kepada semua yang terlibat dalam dunia pendidikan hari ini.

Kata kunci: kaedah pengajaran, majalah, masyarakat Melayu, pendidikan, tanggungjawab guru

This paper attempts to demonstrate another side of the history of secular education in the Malay States in the 1940s and 1950s. The focal point of this paper is on the discussions published in the Malay magazines and newspapers on the responsibility of the teachers to enhance methodology of their teachings. This is a library research and conducted based on qualitative approach. Information derived

from the Malay magazines such as Majalah Guru, Panduan Raayat, Sahabat and Bintang Malaya. Besides that, secondary sources like books and articles had also consulted. Documents consulted demonstrate that teachers were required to have a charismatic personality and creative in their teachings. Governments paid special attention to the issues related to education and tried to eradicate illiteracy through radio broadcasting program. In summary, discussions on teaching methods and strategies as well as teachers' personality traits published in Malay periodicals in this period of study contain valuable information for those involved in educational field today.

Keywords: *teaching methods, magazines, Malay society, education, teachers' responsibility*

Pengenalan

Pendidikan merupakan antara isu yang turut mendapat perhatian dalam akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan pada tahun 1940-an sehingga 1950-an. Intipati utama dalam perbincangan berkisar tentang pendekatan dan usaha untuk membangun dan memajukan pendidikan masyarakat Melayu. Akhbar dan majalah mempunyai pengaruh yang besar dalam kehidupan masyarakat dan ia berfungsi melapor, mengupas dan kadangkala menilai serta mengkritik isu-isu semasa yang berlaku dalam masyarakat. Sebagai satu sumber dalam pengkajian sejarah, media cetak memainkan peranan dalam menggambarkan keadaan zaman lampau sesuatu masyarakat, terutama sekali apabila sumber lain tidak berupaya menjelaskan sesuatu situasi itu. Dengan kata lain, akhbar dan majalah adalah alat yang mencatatkan fakta-fakta sejarah tentang sesebuah masyarakat. Malah, ia juga merupakan sebuah medium penting dalam penyampaian maklumat di antara penulis dan pembaca. Justeru, makalah ini akan mengupas tanggungjawab guru dalam memperkasakan pendidikan berdasarkan sumber utama iaitu majalah berbahasa Melayu pada tahun 1940-an sehingga 1950-an.

Latar Belakang

Perkembangan dalam sejarah pendidikan di Tanah Melayu memperlihatkan terdapat dua persepsi yang bertentangan wujud di antara masyarakat Melayu dan golongan penjajah. Masyarakat Melayu melihatnya sebagai batu loncatan bagi mencapai kemajuan bangsanya. Manakala di pihak penjajah ia hanyalah satu aspek tanggungjawab kolonial yang dilaksanakan untuk melepaskan tanggungjawab moral mereka. Lantaran itu, sejarah pendidikan vernakular yang diperkenalkan oleh British tidak menjurus untuk memperbaiki keadaan

masyarakat atau mendedahkan mereka kepada dunia intelektual. Bahkan pegawai British memastikan ia berada pada tahap yang minima supaya mereka tidak perlu berhadapan dengan tantangan yang bakal menggugat kelangsungan kuasa mereka di Tanah Melayu.¹ Lantaran itu, guru-guru yang dilantik juga kurang kredibilitinya kerana guru-guru hanya ‘mengajar’ perkara asas tanpa memberatkan teknik dan juga strategi pengajaran.² Malah, sebelum tahun 1930 tidak terdapat buku pedagogi yang lengkap terutama dalam bahasa Melayu.³ Ringkasnya, pendidikan di Tanah Melayu sepanjang penguasaan British tidak bermatlamat untuk memperbaiki keadaan masyarakat Melayu. Ekoran itu, masyarakat Melayu kekal mundur dan terkebelakang berbanding kaum lain di Tanah Melayu sepanjang tempoh kajian ini.

Selain daripada British, Jepun adalah pemerintah yang memberikan kesan kepada perkembangan pendidikan di Tanah Melayu pada 1940-an. Namun, penjajahan Jepun tidak membawa banyak perubahan dalam intipati pendidikan masyarakat Melayu kerana tempohnya yang agak singkat. Tambahan pula, pendidikan di zaman penjajahan Jepun menerapkan dasar Niponisasi iaitu dasar penjepun terhadap Tanah Melayu. Melalui sistem pendidikan ini, penekanan diberikan kepada aspek berkait dengan disiplin, pembentukan akhlak dan taat setia kepada Maharaja Jepun serta kepatuhan penduduk kepada pentadbiran Jepun. Jepun telah menubuhkan Sekolah Nippon-Go. Pengajaran Nippon-Go, lagu rakyat Jepun dan cara hidup mereka ditekankan dalam kurikulum sekolah rendah.⁴ Tumpuan utama adalah untuk memastikan nilai-nilai Jepun diterapkan dalam pendidikan yang disediakan di Tanah Melayu. Ringkasnya, pendidikan tidak berpusat kepada usaha memperbaiki kualiti pendidikan dan hanya bertujuan sebagai alat propaganda untuk memperkuuhkan kuasa Jepun di Tanah Melayu. Keberkesanan pendidikan dalam mempertingkatkan kualiti intelektual dan memperbaiki masalah kemunduran dalam kalangan masyarakat Melayu sepanjang 1940-an dan 1950-an adalah lemah. Justeru, usaha-usaha untuk memperkasakan pendidikan adalah isu yang diberikan perhatian khusus dalam akhbar berbahasa Melayu sepanjang tempoh kajian ini.

Sistem pendidikan melalui sistem persekolahan merupakan elemen penting bagi sesebuah negara dalam usaha menuju ke arah membangunkan masyarakat dari segi ekonomi, politik, dan sosial. Dunia pendidikan negara menghadapi pelbagai isu ekoran daripada tercetusnya pandemik covid-19 sejak 2020. Perbincangan berhubung isu pendidikan di media massa memperlihatkan bahawa kualiti guru adalah salah satu aspek yang penting dalam perkembangan pendidikan yang mampan. Perbincangan yang diutarakan di dalam akhbar terdahulu bermanfaat untuk diberikan perhatian kerana saranan tersebut memberikan alternatif kepada guru dan pelajar. Pendekatan yang bersifat kolektif yang dicadangkan dalam perbincangan akhbar dan majalah terdahulu perlu diketengahkan supaya usaha untuk memperkuuhkan kualiti pendidikan dalam tempoh pandemik ini lebih bervariasi.

Pendidikan mengikut Plato ialah suatu proses membentuk individu yang berakhhlak mulia. Manakala menurut Jean Jacues Rousseau pula pendidikan sebagai suatu proses yang berterusan dan bermula semenjak dari zaman kanak-kanak.⁵ Malah, sekolah juga merupakan institusi pelengkap kepada pendidikan yang berlaku di rumah. Pada peringkat awal kehidupannya kanak-kanak akan mempelajari segala ilmu daripada kedua-dua ibu bapa dan masyarakat dengan cara yang tidak disengajakan dan tidak tersusun.⁶ Sehubungan dengan itu, sekolah secara umumnya dan guru secara khususnya mempunyai pengaruh yang besar dan memainkan peranan penting di dalam menerapkan nilai-nilai murni. Melalui pelajar dididik supaya berakhhlak, bermoral dan mengamalkan budaya hidup yang murni. Pendidikan dan persekolahan perlu memainkan peranan yang berkesan bagi menyemai dan menanamkan nilai-nilai murni sebagai langkah membentuk dan melahirkan masyarakat yang mempunyai kualiti moral, sosial dan kerohanian.⁷ Mereka juga merupakan harapan bangsa dan negara.

Sehubungan dengan itu, guru perlulah mempunyai kreativiti dan inovatif di dalam proses penyampaian ilmu. Guru yang kreatif dan inovatif sebagaimana menurut Kamarul Azmi Jasni et al. mestilah mempunyai persediaan daripada aspek pengetahuan dan juga kemahiran dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ianya termasuk mengaitkan keseluruhan aspek tersebut di dalam penyampaian pengajarannya.⁸ Justeru, guru sentiasa perlu mempelbagaikan teknik dan kaedah dalam pengajaran bersesuaian dengan masa yang diperuntukkan dan juga tahap pengetahuan sedia ada pelajar.⁹ Guru sebagai seorang penyampai ilmu, perantara maklumat atau duta pengetahuan di dalam proses pendidikan menjadikan mereka akar kepada keberhasilan pendidikan. Oleh yang demikian, pendidik memainkan peranan yang penting dalam menjamin kelangsungan proses pendidikan. Untuk melahirkan para pelajar yang mempunyai daya pemikiran analitikal, kritis, kreatif dan mampu menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku di sekeliling mereka, pendidiklah yang bertanggungjawab untuk menjadi pemangkin wadah perjuangan ini.¹⁰ Justeru, makalah ini akan meneliti perbincangan di dalam majalah berbahasa Melayu pada tahun 1940-an sehingga 1950-an seperti *Majalah Guru, Panduan Raayat, Sahabat dan Bintang Malaya*. Artikel-artikel berkaitan dicerap dan analisis berkaitan isu yang dikaji dilakukan melalui kaedah penyelidikan sejarah. Ringkasnya, fakta yang dikemukakan disaring dan dipersembahkan dalam bentuk fakta yang memperlihatkan pendekatan yang dicadangkan bagi mempertingkatkan kualiti guru bagi memperkasakan pendidikan di Tanah Melayu sepanjang tempoh kajian.

Jelasnya, kaedah yang dicadangkan pada ketika itu walaupun berlaku sebelum Tanah Melayu mencapai kemerdekaan namun panduan tersebut masih boleh diaplikasikan oleh guru pada masa kini di dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Sumber-sumber yang diperolehi disusun dan

dianalisis bagi memperlihatkan tanggungjawab seorang guru dan kaedah serta teknik pengajaran yang dapat merangsang minat seterusnya pencapaian pelajar dalam sesuatu mata pelajaran.

Tanggungjawab Guru dan Kaedah Pengajaran

Pada awal abad ke-20, percetakan dan penerbitan akhbar berbahasa Melayu lahir dan mula menunjukkan perkembangan yang sangat positif terutama di bandar besar seperti Kuala Lumpur, Singapura dan Pulau Pinang. Akhbar atau suratkhabar merupakan sebuah medium penting dalam penyampaian maklumat di antara penulis dan pembaca.¹¹ Antara majalah berbahasa Melayu yang diterbitkan seperti majalah *Majalah Guru*, *Panduan Raayat*, dan *Sahabat*. *Majalah Guru* diterbitkan dalam tahun 1924 oleh tenaga bersama Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka dengan memberikan peluang kepada guru-guru anak negeri terutamanya memberikan pendapat mereka.¹² *Panduan Raayat* pula diterbitkan di Kuala Lumpur pada 17 Januari 1949 hingga September 1955 oleh Jabatan Perhubungan Raya, Kuala Lumpur. Manakala Majalah *Sahabat* diterbitkan di Pulau Pinang pada 15 Februari 1939 hingga tahun 1941 oleh Mohd Tamin Sutan Deman. Majalah ini dicetak oleh al-Huda Press, Pulau Pinang.¹³

Akhbar dan majalah merupakan antara salah satu bahan bantu mengajar penting yang boleh dimanfaatkan oleh para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini kerana di dalamnya termuat banyak saranan yang boleh dijadikan panduan dalam memacu kemajuan dan perkembangan pendidikan negara. Akhbar dan majalah seumpama sekeping cermin yang menjadi refleksi kepada keadaan sesuatu zaman. Pendidikan berperanan sebagai agen perubahan sosial yang penting. Pendidikan juga medium paling berkesan untuk menjulang kuasa sesebuah masyarakat. Seseorang akan mencapai kemajuan sekiranya mempunyai ilmu pengetahuan. Sebagaimana menurut majalah *Sahabat*, “Orang berakal makan seperti hendak hidup, orang bodoh hidup supaya hendak makan dan bersatu teguh bercerai roboh.”¹⁴ Malah, menurut ciapan majalah *Sahabat* lagi:

“Ilmu pengetahuan itu berkuasa malah tinggi rendahnya harga manusia menurut tinggi rendah ilmu pengetahuannya sentosanya pergaulan manusia kerana dengan ilmu pengetahuan seseorang dapat membikin sebuah rumah kerana sudah ada ilmu pengetahuan bagaimana cara2nya pertukangan membikin rumah itu. Seseorang dapat beruntung dan berlabu dalam perniagaan kalau ada padanya ilmu pengetahuan cara2 perniagaan.”¹⁵

Jelas, pendidikan merupakan aset penting dalam memacu perkembangan dan kemajuan diri dan pembangunan negara. Salah satu

faktor yang menyebabkan kemunduran masyarakat Melayu khasnya adalah disebabkan kekurangan ilmu pengetahuan. Ini kerana ilmu pengetahuan dan pelajaran merupakan anak kunci ke arah kemajuan dan kesejahteraan hidup.¹⁶ Oleh itu, majalah *Sahabat* menyeru agar golongan pemuda menuntut ilmu untuk mencapai kemajuan bangsa, agama dan tanah air. Ini kerana menurutnya kemajuan tidak akan dapat dicapai sekiranya tidak mempunyai ilmu pengetahuan.¹⁷ Malah, R.P Bingham Resident Commissioner Pulau Pinang ketika merasmikan bangunan baharu Sekolah Sungai Acheh pada 12 Disember 1951 turut menyeru agar masyarakat Melayu merebut peluang pelajaran yang disediakan.¹⁸ Maka di sinilah letakkan tanggungjawab dan peranan yang perlu digalas oleh guru.

Guru adalah pelopor bangsa, perintis jalan menuju kepada kemajuan dan kemerdekaan. Guru juga merupakan agen perubahan masyarakat. Peranan guru sebagai agen perubahan akan melibatkan tanggungjawab tambahan yang perlu dipikul.¹⁹ Menjadi guru merupakan suatu pekerjaan yang mulia. Guru mendidik masyarakat agar menjadi anggota bangsa yang berjasa dan cergas pada masa akan datang. Guru juga diumpamakan sebagai kepala gerabak keretapi yang mana bergerak menunda beberapa buah gerabak yang lain. Oleh itu, setiap gerak tenaga guru bukan sahaja untuk faedah diri tetapi untuk faedah bangsa dan negara.²⁰ Menurut *Majalah Guru*:

“Sa-bahagian besar kemajuan sa-suatu nagara itu adalah teraju-nya di tangan guru2, rosak didekat guru, rosaklah jiwa anak2, tegal itu guru hendaklah berhati2 sa-tiap waktu bukan sahaja tentang pengajaran teori muh di jaga bahkan praktikal guru yang lebeh utama, begitu juga di pehak anak maha penting di-perbaiki.”²¹

Justeru, guru yang berkualiti berupaya menghubungkan pengetahuan mereka dengan kaedah pengajaran²² Kualiti pengajaran guru mampu menentukan pembentukan kualiti pelajar.²³ Manakala pelajaran pula menurut *Majalah Guru* boleh disamakan dengan perkelahan ke suatu tempat. Para pelajar memerlukan kepimpinan dan bimbingan daripada guru untuk menjayakan perkelahan tersebut. Ini kerana sekiranya perkelahan tersebut tidak memuaskan hati atau tidak membawa keseronokan maka perkelahan itu tidak akan mendatangkan faedah. Sebaliknya sekiranya perkelahan tersebut memuaskan hati maka mereka akan mempunyai keinginan untuk berkelah sekali lagi.²⁴ Jelas, pelajaran yang berjaya bergantung kepada pengajaran yang berkesan dan sempurna.

Pengajaran yang disifatkan sempurna ialah pengajaran yang disertakan dengan pimpinan dan galakan oleh guru supaya para pelajar berusaha ketika belajar. Pimpinan yang diberikan oleh guru pula hendaklah bersifat saranan bukannya sebagai perintah ataupun hukuman. Justeru itu, golongan guru disarankan sentiasa membuka jalan supaya para pelajar berpeluang untuk memikirkan cara yang betul dan tepat untuk mereka memilih sesuatu perkara

yang dikemukakan. Pengajaran yang dikatakan sempurna juga hendaklah disertakan dengan sifat bertimbang rasa dari pihak guru. Dalam hal ini, guru perlu mampu membezakan kebolehan seseorang pelajar yang pandai dengan pelajar yang lemah. Ini kerana tidak semua pelajar mempunyai tahap yang sama dalam pembelajaran. Justeru itu, amat penting bagi guru agar tidak memberi tekanan kepada pelajar yang lemah tersebut. Guru juga perlu menahan dirinya daripada bercakap kasar. Melalui sifar sabar seseorang guru akan menyebabkan para pelajar merasakan sekolah merupakan satu tempat yang sangat baik manakala guru pula dilihat seorang yang sedia untuk membantu dan memimpin.²⁵

Pengajaran yang sempurna turut menzahirkan keadaan demokrasi di dalam sekolah. Dalam hal ini hak seseorang pelajar perlulah dihormati. Di dalam pengajaran guru perlu menunjukkan bagaimana setiap pelajar di timbang dan di kawal oleh undang-undang yang sama rata. Melalui pengajaran demokrasi keadaan berat sebelah dari pihak guru perlu dielakkan sama sekali. Oleh yang demikian, pengajaran yang menzahirkan keadaan demokrasi itu menurut *Majalah Guru*, “...tidak menggalakkan murid2 menaroh takut kapada guru-nya sebagai hamba kepada tuan-nya.”²⁶ Sebagai contohnya, “...di dalam darjah Che Kasim bin Ismail, anak Menteri Besar beroleh sama taraf dengan Che Ismail bin Othman anak seorang pengail ikan.” Melalui pengajaran ini pelajar akan dapat memahami bahawa mereka sebenarnya memperoleh hak yang sama rata dan akan tetap memperolehi hak yang sama rata juga pada masa akan datang. Ini apa yang dikatakan *Majalah Guru* pelajaran cara baharu iaitu cara demokrasi. Ini kerana menurut *Majalah Guru* lagi, “Dahulu daripada perang yang telah lalu ada beberapa sekolah atau jawatan yang terkhas kapada anak pembesar2 sahaja. Sekarang tidak begitu lagi.”²⁷ Pengajaran yang sempurna juga ialah pengajaran yang memberangsangkan iaitu mampu meninggikan semangat pelajar. Sehubungan dengan itu, setiap guru semasa mengajar perlu sentiasa mencari peluang untuk meninggikan semangat para pelajarnya iaitu semangat hendak menjadi lebih baik setiap hari. Ini kerana pengajaran yang sempurna memberi peluang kepada pelajar-pelajar untuk berfikir, berusaha dan beroleh kepercayaan atas diri sendiri. Menurut ciapan *Majalah Guru* “...tiap2 pelajaran terkandong shor2 dari pehak guru yang menggalakkan murid2 menyoal, menjawab, membahath dan memberi fikiran sendiri dengan kebebasan. Kebebasan inilah yang akan memberi kesan di kemudian hari.”²⁸ Sebagaimana menurut majalah *Sahabat*:

“Turutkanlah kesukaan budak2 dengan berbuat apa yang mengembirakan mereka dan dalam masa mengembirakan mereka itu masukkanlah pula pendidikan untuk menghidupkan semangat budak2 itu untuk belajar, untuk menjadi orang yang berilmu, yang ternama, yang lurus dan berani dalam segala hal yang benar dan baik dan berhemah serta bercita2 mulia.”²⁹

Ringkasnya, keupayaan guru meninggikan semangat pelajar mampu melahirkan pelajar yang merasa seronok kepada persekolahan. Sehubungan dengan itu, guru perlu mempunyai kemahiran dalam usaha meningkat dan meninggikan semangat pelajar. Manakala semasa berada di sekolah pelajar pula perlu menumpukan semua usaha dan tenaga kepada pelajaran. Mereka perlu setiap hari menuruti segala ajaran, pesanan dan nasihat guru. Ini kerana taat segala perintah guru adalah punca mencari pengetahuan. Menurut ciapan *Majalah Murid*, "...pendeknya semua yang kita dapat di sekolah itu berguna kepada kita di belakang hari."³⁰

Dalam usaha meningkatkan pelajaran kepada para pelajar yang lemah *Utusan Zaman* 25 Februari 1940 umpamanya mencadangkan guru perlu menimbulkan sifat berani dalam diri para pelajar berkenaan. Justeru, teknik pujuhan perlu digunakan untuk menaikan semangat para pelajar untuk belajar. Sebagai contohnya guru perlu menyatakan secara berhemah kepada pelajar seperti "...janganlah engkau berputus asa kerana engkau boleh jadi orang pandai". Selain itu, bahasa yang digunakan oleh guru-guru perlu jelas dan terang di samping mengelakkan daripada menggunakan peribahasa yang sukar untuk difahami maksudnya.³¹ Sehubungan dengan itu, guru-guru tidak seharusnya mempunyai sikap cepat jemu sebaliknya perlu menegur secara halus dan memberi tunjuk ajar dengan berhemah kepada pelajar yang lemah di dalam pelajaran. Pelajar yang lemah tersebut juga sebagai contohnya boleh dibawa ke hadapan papan hitam dan diminta menulis kembali soalan yang ditanya serta menjawab soalan berkenaan di samping memberi peluang kepadanya untuk berfikir seketika. Soalan yang dikemukakan pula mestilah soalan-soalan yang mudah.³²

Sekiranya didapat pelajar di dalam kelas itu ada dalam kalangan mereka yang nakal guru juga seharusnya tidak bersikap cepat marah atau memukul pelajar tersebut. Sebaliknya guru yang berdedikasi akan berusaha mencari ikhtiar dengan jalan yang baik supaya sebagaimana menurut *Bintang Malaya*, "mudah ia berasa bahawa perbuatannya itu menyalahi akan kehendak2 pelajaran dan hendaklah selalu disoal akan dia supaya ia selalu bersedia dan beringat2 akan pelajarannya." Sekiranya jawapan yang diberikan tidak tepat *Bintang Malaya* menyarankan agar guru perlu memberi peluang kepada rakan-rakannya yang lain. Sekiranya terdapat pelajar yang menjawab dengan tepat maka guru perlu memberi peluang sekali lagi kepada pelajar nakal berkenaan dengan mengulangi soalan yang sama. Ini bagi memberi peluang sekali lagi kepada pelajar berkenaan sambil mengingatkan pelajar tersebut agar mengambil peluang yang diberikan itu dengan sebaik-baiknya.³³

Di samping itu, guru seharusnya mempunya sahsiah yang baik. Ciri-ciri sahsiah mulia seorang guru antaranya budiman, bertertib sopan, baik perangai dan pengasih. Sebaliknya sifat yang perlu dihindari oleh guru antaranya adalah sifat pemarah. Ini kerana guru-guru yang pemarah sebagaimana menurut

Utusan Zaman, “...lambatlah memasukkan pelajaran kepada murid2nya dan tertutuplah pintu ingatan dan kekuatan fikiran murid majunya murid2 itu didalam pelajaran dan pada tiap2 perasaan ialah dari kesabaran guru2...” Malah, sikap pemarah ini juga merupakan antara faktor yang menyebabkan para pelajar bersikap melawan dan engkar kepada arahan guru.³⁴

Selain daripada itu, semasa proses PdP para pelajar ada kalanya perlu diceritakan dengan kisah-kisah yang kelakar. Namun, cerita kelakar tersebut adalah kelakar yang bermakna iaitu bukan hanya mampu membuatkan pelajar ketawa mendengar tetapi cerita yang membolehkan mereka mampu mendapat didikan atau teladan yang baik. Di samping itu, tokoh-tokoh yang terkenal seperti kisah nabi, sahabat nabi, ahli pengarang, ahli peperangan, ahli seni, ahli sukan, ahli perniagaan, ahli pertanian dan sebagainya yang terdapat di dalam masyarakat juga amat penting untuk diceritakan. Ini kerana melalui cerita yang sedemikian menurut majalah *Sahabat* akan menimbulkan minat di dalam diri para pelajar untuk menjadi seperti tokoh-tokoh hebat tersebut.³⁵

Selain itu, sekiranya didapati seseorang pelajar mengantuk atau memandang ke arah lain ketika proses PdP berjalan maka guru perlu mencari peluang menyoal pelajar terbabit ataupun meminta pelajar berkenaan membaca. Ini kerana dengan bangun dan membaca akan mampu menghilangkan perasaan mengantuk dan mengembalikan kembali ingatannya yang telah melayang. Begitu juga sekiranya pelajar menjawab faham hendaklah guru menurut *Bintang Malaya* lagi, “...menaruh cemburu sedikit kepada para pelajarnya.” Sehubungan dengan itu, guru perlu sekali lagi mengulangi pelajaran itu secara ringkas dan padat. Di samping itu, majalah *Bintang Malaya* turut mencadangkan bagi menarik minat pelajar terhadap pembelajaran antaranya dengan sedikit pemberian hadiah kecil. Melalui cara ini akan dapat menarik minat pelajar untuk berusaha menjawab soalan yang dikemukakan. Sebagaimana menurut *Bintang Malaya*, “...bagi menjawab soal didalam pelajaran2 dengan ditawarkan beberapa hadiah yang kecil2 sebagai memberangsangkan perasaan murid2 gemar dan suka serta berusaha pada merebutkan peluang kejayaan untuk mencapai hadiah2 ditawarkan tadi.”³⁶ Ringkasnya, pemberian hadiah kecil apabila pelajar dapat menjawab soalan yang diberikan dengan betul akan menyebabkan mereka merasa seperti dihargai dan sebagai motivasi untuk mereka lebih berusaha.

Bagi menambahkan lagi pengetahuan para pelajar di sarankan diluaskan pengalaman mereka dengan mengadakan lawatan diluar kawasan sekolah. Menurut *Majalah Murid* tempat-tempat yang mustahak di dalam negeri yang patut dilawati bukan sahaja ke taman bunga malah perlu untuk pelajar di bawa melihat sendiri pekerjaan di rumah sakit, limbungan kapal, balai polis, mahkamah, pejabat kerajaan, sekolah-sekolah tinggi, kilang-kilang perusahaan dan tempat-tempat bersejarah. Hal yang demikian akan menjadikan para pelajar manusia yang berpengetahuan dan berpengalaman di samping mengetahui serba sedikit keadaan di sekeliling mereka.³⁷ Perkara

yang sama turut diutarakan majalah *Sahabat* yang menyarankan sekali atau dua kali sebulan pelajar di bawa berjalan-jalan secara beramai-ramai melihat bandar, pelabuhan, taman bunga, masjid, pasar dan sebagainya. Ketika aktiviti lawatan sedang berjalan, para pelajar perlu diberikan penerangan berhubung kawasan yang dilawati dan diwajibkan mengarang apa yang dilihat dan diceritakan kepada mereka. Karangan yang dihasilkan itu perlu disemak dan dihargai oleh guru.³⁸

Di samping taman bunga, bandar, pelabuhan dan tempat-tempat yang indah pelajar juga perlu di bawa mengunjungi tempat-tempat yang berguna kepada masyarakat seperti kilang-kilang yang menghasilkan barang keperluan harian, pertanian, hal berternak, perniagaan dan lain-lain hingga wayang gambar yang menunjukkan gambar yang memberi pelajaran yang patut dilihat oleh para pelajar. Sepanjang perjalanan atau kunjungan tersebut gambar-gambar perlulah diambil seberapa banyak yang boleh untuk disimpan. Manakala karangan yang terbaik perlulah dikumpulkan sebagai contoh kepada pelajar. Oleh hal yang demikian, dengan cara ini akan dapat membangunkan semangat para pelajar dan menyukarkan hati mereka. Melalui cara ini juga di harap salah satu cara para pelajar akan bertambah kurang meninggalkan pelajarannya. Sebaliknya melalui cara ini juga akan menambahkan lagi pengetahuan dan minat mereka terhadap pendidikan.³⁹ Pengetahuan menurut *Majalah Murid* ialah:

“Pengetahuan itu ia-lah senjata yang maha berkuasa. Kerana dengannya dapat kita berkuasa dalam serba serbi di atas dunia ini bahkan di akhirat sa-kali pun. Manusia yang berkuasa ialah manusia yang berpengetahuan.”⁴⁰

Jelas, pengetahuan merupakan senjata utama untuk berkuasa. Mereka yang mempunyai pengetahuan diibaratkan mereka yang berjaya dunia dan akhirat. Ringkasnya, kaedah pembelajaran di luar bilik darjah merupakan antara kaedah yang telah disarankan oleh majalah Melayu dalam tempoh kajian. Kaedah pembelajaran ini berkemampuan mengembangkan lagi pengetahuan dan menanamkan perasaan cinta pelajar kepada sekolah dan pembelajaran.

Tindakan Kerajaan Untuk Memperkasakan Pendidikan

Penggunaan Siaran Radio

Membaca adalah jambatan ilmu. Oleh itu, menurut *Majalah Murid* pelajar yang boleh membaca amat beruntung kerana “anak kunchi ilmu sudah ada di tangan mereka.” Justeru, kita perlulah sentiasa berusaha setiap hari dengan membaca buku, majalah dan akhbar untuk “menjadi makanan otak kita.”⁴¹ Para pelajar yang berkehendakkan matlamat hidup perlu mempunyai sikap

rajin belajar iaitu menggunakan kebolehan membaca buku, majalah, akhbar dan lain-lain kitab ilmu. Semangat membaca perlu dilatih setiap hari semenjak daripada kecil. Sehubungan dengan itu, menurut *Majalah Murid* pelajar yang mengkehendaki kehidupannya berjaya pada masa yang akan datang perlu menetapkan pada peringkat awal setiap hari dengan memperuntukkan masa sekurang-kurangnya selama sejam membaca buku sekolah atau surat khabar. Kemudian secara beransur-ansur menambah lagi waktu itu menjadi dua atau tiga jam sehingga akhirnya mampu membaca berpuluhan jam sehari tanpa merasa jemu.⁴²

Ini kerana kemajuan sesebuah negeri turut bergantung kepada ramainya anak negeri yang tahu membaca dan menulis. Membaca adalah jambatan ilmu. Orang yang pandai ialah orang yang tahu membaca manakala negeri yang mundur ialah negeri yang rakyatnya buta huruf.⁴³ Sehubungan dengan itu, salah satu usaha pihak kerajaan dalam membasmi buta huruf pada ketika itu adalah mengadakan kaedah pengajaran dan pembelajaran melalui siaran radio. Rancangan bagi pelajaran menerusi radio sebagai cubaan telah siap disusun pada tahun 1954 iaitu pelajaran yang dirangka untuk membolehkan masyarakat Melayu yang buta huruf belajar membaca huruf rumi. Pelajaran yang pertama disiarkan pada Sabtu 11 September 1954. Rancangan tersebut adalah anjuran Jabatan Radio Melayu dan Persatuan Pelajaran Orang Dewasa Persekutuan Tanah Melayu dengan kerjasama daripada Jabatan Penerangan. Dilaporkan rancangan tersebut adalah hasil daripada percubaan yang telah mengambil masa selama enam bulan.⁴⁴ Antara jadual siaran radio sebagaimana dipaparkan pada jadual 1 di bawah.

**Jadual 1: Jadual Siaran Radio Ke Sekolah Melayu Dari Radio Malaya,
Ogos 1952**

Hari/Masa	Darjah/Siaran
Selasa/ 12.8.1952	I. Nyanyian III. Lakonan V. Nyanyian VI. Bahas
Khamis/ 14.8.1952	I. Bahasa Inggeris (What Month is it?) II. Nyanyi IV. Tawarikh Pateh Aria Gajah Mada VI. Pengetahuan Am: (Post Office)
Ahad/17.8.1952	I. Pel. Bahasa Inggeris (At the shop) II. M. Bunyi dan Cherita IV. Nyanyi V. Ilmu Alam Pulau2 Filipina

Selasa/ 19.8.1952	I. Nyanyi III. Nyanyi IV-VI. (Perempuan)- U. Rumah Tangga VI. Nyanyi
Khamis/ 21.8.1952	I. Pel. Bahasa Inggeris (Song Time) II. Nyanyi IV. Pengetahuan Am: Pengkalan2 Kapal Terbang di-Tanah Melayu V & VI. Tawarikh Saiyidina Othman, r.a.

Sumber: Majalah Guru, Ogos 1952


Satu perkara yang menarik dalam percubaan di studio tersebut ialah untuk mengajar membaca sahaja dan tidak ada mengandungi pelajaran mengajar menulis. Akan tetapi penerangan yang diterangkan di dalam siaran radio tersebut itu telah membolehkan beberapa orang penuntut tahu menulis dan membaca. Latihan yang diberikan pula adalah berdasarkan kepada buku bacaan yang dinamakan *Membasmi buta huruf* di mana di dalam tempoh masa seminggu diberi tiga kali pelajaran. Setiap pelajaran itu pula akan diulang sekali iaitu pada hari selepas siaran yang pertama diadakan. Waktu siaran pula ialah dari pukul 4.30 hingga 5.00 petang setiap hari kecuali hari Jumaat. Melalui siaran tersebut pelajar akan mengikut bunyi suara yang dikeluarkan oleh radio berkenaan. Di laporkan pada peringkat awal pendengar di ajar cara untuk memegang buku, membuka buku pada muka surat yang betul dan meletakkan telunjuknya pada tempat permulaan membaca kemudiannya secara berperingkat memasuki fasa-fasa seterusnya.⁴⁵

Rancangan tersebut pada peringkat awalnya ditumpukan terutamanya kepada sekolah Melayu yang mempunyai peti radio. Sehubungan dengan itu, guru besar di sekolah Melayu yang mempunyai peti radio telah diminta bekerjasama menubuhkan kumpulan pelajar untuk mendengar dan menyediakan sekolah dan peti radio yang akan digunakan pada waktu siaran dipancarkan mengikut dijadual yang ditetapkan Manakala mereka yang tinggal berhampiran dengan sekolah yang mempunyai peti radio turut digalakkan mengambil peluang belajar dengan cara sama ada meminta guru sekolah ditempat itu atau seseorang sahabat yang tahu menulis menuliskan sepuck surat kepada pegawai pelajaran negeri meminta buku bacaan yang dinamakan *Membasmi buta huruf*. Buku tersebut dijual dengan harga 50 sen senaskah. Pelajaran melalui radio disiarkan dari Kuala Lumpur menerusi gelombang sederhana 330 meter dan gelombang pendek 19 meter.⁴⁶ Ringkasnya, penggunaan radio sebagai bantu mengajar merupakan sesuatu yang bermanfaat untuk diaplikasikan dalam proses PdP di sekolah di samping sebagai salah satu usaha pihak kerajaan dan sekolah dalam membasmi masalah buta huruf.

Di samping menyediakan buku *Membasmi buta huruf*, bagi menjayakan siaran radio ke sekolah juga pihak kerajaan turut menyediakan buku *Panduan Bagi Guru2 Darjah*. Di dalam buku tersebut terdapat beberapa panduan iaitu panduan persediaan sebelum, semasa dan selepas mendengar siaran. Sebelum siaran radio bermula para pelajar perlulah diaturkan supaya mereka semua berada dalam keadaan senyap dan dapat kelapangan, cukup masa dan tidak bergopoh-gopoh. Guru-guru pula perlu memastikan radio telah dipasang dengan betul dan berada pada angka gelombang yang ditentukan. Guru-guru juga perlu peka sekiranya terdapat sebarang siaran yang hendak dimulakan lebih awal daripada waktu yang telah ditentukan. Semasa mendengar siaran radio pula guru-guru hendaklah kelihatan seperti turut berminat dan bersama-sama dengan pelajar mendengar siaran radio bkenaan. Ini kerana para pelajar akan mengambil contoh daripada perbuatan yang ditunjukkan oleh guru. Guru-guru diingatkan agar tidak melakukan perkara yang lain semasa siaran radio diutarakan seperti memeriksa buku latihan atau keluar daripada kelas. Sebaliknya guru-guru perlu bersedia mencatit perkara yang difikirkan perlu untuk diterangkan kembali kepada pelajar dan perlu bersedia memberi pertolongan kepada pelajar apabila mereka dikehendaki membuat sesuatu pergerakan dan sebagainya. Berhubungan dengan itu, guru hendaklah turut serta membuat pergerakan yang disarankan di dalam radio supaya diikuti oleh pelajar.⁴⁷

Sekiranya pelajar dikehendaki membuat sebarang bunyi-bunyian pula guru-guru hendaklah bersedia mengawal pelajar dan menghentikan mereka apabila siaran radio mula memberikan penerangan selanjutnya. Di samping itu, guru-guru dalam masa yang sama perlu merangsang pelajar untuk sama-sama menyanyi pada masa siaran pelajaran nyanyian. Tetapi semasa mendengar siaran radio menurut *Majalah Guru*, guru-guru tidak sepatutnya menganggu para pelajar yang sedang menumpukan perhatian kepada siaran radio tersebut. Sebaliknya guru hanya perlu bertindak mencatit sahaja jika terdapat sesuatu yang dikenalpasti akan menimbulkan ketidakfahaman dalam kalangan pelajar dan menerangkan kemudiannya. Malah, menurut *Majalah Guru* juga guru tidak boleh bertindak menerangkan sesuatu perkara semasa pelajar masih mendengar siaran radio tersebut. Manakala selepas mendengar siaran pula seseorang guru yang bagus akan dapat menjelaskan beberapa keterangan lain yang munasabah sama ada dengan keterangan mulut atau menunjukkan cara dan sebagainya. Ini supaya lebih jelas lagi kepada pelajar dalam memahami siaran yang didengari itu. Pelajar juga perlu mempunyai buku catatan khas bagi mencatit gambar, nyanyian, tawarikh dan lain-lain ilmu yang didengari semasa siaran radio.⁴⁸

Rajah 1. Pelajar Mendengar Siaran Radio



Sumber: *Panduan Raayat*, Februari 1952

Rajah 2. Pelajar Sedang di Soal Guru



Sumber: *Panduan Raayat*, Februari 1952

Rajah 1 kelihatan pelajar Darjah III Sekolah Melayu Setapak mendengar siaran radio di sekolah manakala rajah 2 pula kelihatan guru Sekolah Perempuan Kampong Baru, Kuala Lumpur sedang menyoal pelajar setelah selesai mendengar siaran radio. Ringkasnya, pelajar yang berpeluang mendengar siaran radio sangat beruntung sekiranya mereka benar-benar memberikan fokus terhadap rancangan pelajaran yang disiarkan. Melalui siaran radio juga pelajar akan dapat mendengar susunan berjenis-jenis pelajaran yang dikendalikan oleh golongan bijak pandai. Ringkasnya, pengajaran melalui

siaran radio merupakan salah satu bahan bantu mengajar yang digunakan bagi membantu membasmikan buta huruf dalam kalangan masyarakat.

Malah, sekolah menengah Melayu pertama di bandar Ipoh yang ditubuhkan pada 2 Januari 1957 iaitu Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman turut menggunakan siaran radio. Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh adalah sekolah pertama yang diwujudkan untuk memberi pelajaran menengah kepada pelajar lelaki yang datang dari kampung. Bangunan pertama terdiri daripada barek-barek tentera yang telah usang yang didiami Askar Melayu Diraja. Oleh kerana ibu bapa mereka terdiri daripada golongan petani dan nelayan para pelajar tidak dikenakan bayaran wang sekolah atau wang makan. Jumlah wang yang diperlukan untuk belanja makan dijangka kira-kira \$14,000 setiap bulan. Namun, para pelajar dikehendaki membeli sendiri buku-buku dan barangang keperluan lain. Turut dikenakan bayaran adalah untuk aktiviti sains, pekerjaan tangan, lukisan, muzik, permainan dan perpustakaan yang berjumlah \$7 setiap penggal. Sesi persekolahan yang mempunyai tiga penggal setiap tahun di mana pada akhir setiap penggal setiap pelajar akan diberi tiket percuma untuk pulang ke kampung halaman masing-masing dan kembali semula ke sekolah. Mereka juga turut dibekalkan duit saku sebanyak \$10 setiap bulan. Kehidupan di sekolah pula bermula pada jam 8 pagi membawa sehingga jam 10.15 malam. Pada jam 9.30 malam semua pelajar dikehendaki berada dibilik darjah masing-masing untuk mendengar warta berita yang disiarkan radio Malaya, Bahagian Inggeris. Siaran radio disiarkan di setiap bilik darjah menerusi alat siaran umum dari pejabat guru besar.⁴⁹ Ringkasnya, pelajar yang berpeluang mendengar siaran radio sangat beruntung jika mereka benar-benar memberikan fokus terhadap rancangan pelajaran yang disiarkan. Melalui siaran radio juga pelajar akan dapat mendengar susunan berjenis-jenis pelajaran yang dikendalikan oleh golongan bijak pandai. Keadaan ini menurut *Majalah Murid*, "...seolah2 kita selalu dihadap oleh pendeta."⁵⁰ Ringkasnya, komitmen dan dedikasi guru yang dibincangkan dalam makalah ini memperlihatkan bahawa proses pengajaran yang berkesan membantu meningkatkan minat pelajar

Kerjasama Masyarakat Kampung dengan Pihak Kerajaan

Komuniti turut berperanan penting dalam menyokong perkembangan pembelajaran kanak-kanak dipelbagai tempat termasuk sekolah. Justeru, permuafakatan antara sekolah dan komuniti merupakan satu keperluan.⁵¹ Menyedari kepentingan pelajaran *Panduan Raayat* pada tahun 1953 melaporkan dengan dibantu oleh pihak kerajaan, masyarakat kampung sendiri turut sama berusaha mendirikan sekolah. Sebagai contohnya Sekolah Melayu Seri yang ditubuhkan di Parit Seri dalam mukim 10, Batu Pahat telah dirasmikan oleh Pegawai Jajahan pada 5 Julai 1953 dengan kos keseluruhan membangunkan sekolah serta rumah guru dan pembelian alatan adalah sebanyak \$4,000.

Daripada jumlah tersebut dilaporkan sebanyak \$2850 telah disumbangkan oleh pihak kerajaan manakala selebihnya adalah derma daripada penduduk kampung yang berjumlah \$1150.⁵²

Dalam hal ini, ketua kampung telah mendermakan tanah beliau seluas dua ekar suku bagi menempatkan bangunan sekolah serta padang permainan. Manakala penduduk kampung pula bersama-sama menyumbangkan tenaga apabila secara beramai-ramai telah bekerjasama bergotong royong mendirikan sekolah secara percuma. Ini timbul kesan daripada kesedaran masyarakat kampung betapa mustahaknya memberikan pelajaran kepada anak-anak mereka supaya kelak menjadikannya rakyat yang berguna dan tidak buta huruf. Rentetan daripada itu, kira-kira 100 orang kanak-kanak dilaporkan telah mendaftar di sekolah tersebut dengan tiga orang guru akan diadakan dengan gaji \$60 seorang. Daripada jumlah tersebut sebanyak \$41 daripadanya dibayar oleh pihak kerajaan manakala baki \$19 lagi dibayar oleh penduduk kampung.⁵³ Ringkasnya, usaha penduduk Kampung Parit Seri bekerjasama menuju sekolah merupakan suatu teladan yang baik untuk diikuti dan dijadikan contoh dalam usaha untuk mengurangkan kadar buta huruf dalam kalangan masyarakat.

Ciapan *Panduan Raayat* pula turut memuji langkah yang dilakukan oleh masyarakat Kelantan dalam usaha meningkatkan perkembangan dan kemajuan pendidikan. Masyarakat kampung sendiri dilaporkan telah menuju sekolah rakyat di Kelantan. Walaupun pihak kerajaan telah menyediakan banyak sekolah rakyat tetapi ianya masih tidak mencukupi bagi memenuhi kehendak rakyat Kelantan. Justeru itu, menyedari kepentingan pendidikan, rakyat Kelantan juga telah bangkit, "...dengan kekuatan dan tenaga sendiri membangunkan sekolah2 rakyat serta membayar gaji guru2nya." Usaha masyarakat Kelantan tersebut sangat dihargai oleh pihak kerajaan Kelantan. Sehubungan dengan itu, pada akhir tahun 1950 sebagai menghargai usaha tersebut kerajaan telah mempelawa pihak sekolah untuk menerima bantuan wang seperti bantuan untuk membayar gaji guru-guru, bantuan untuk mengadakan bangunan, alatan yang lebih baik di samping bantuan buku yang cukup dengan syarat di antara lain hendaklah sekolah rakyat tersebut mengajar dengan cara yang betul, mengikut waktunya yang ditetapkan serta mengadakan bangunan yang lebih baik.⁵⁴

Selain Johor dan Kelantan, masyarakat di Terengganu juga turut bergotong royong mendirikan sekolah. *Panduan Raayat* 21 Mei 1951 sebagai contohnya melaporkan sekolah Melayu Kampung Seberang Marang, Terengganu telah dirasmikan pada 8 Mei 1951 oleh Menteri Besar. Sekolah tersebut merupakan sekolah kampung yang ketiga didirikan hasil usaha masyarakat kampung sendiri. Penubuhan Sekolah Kampung Seberang Marang adalah salah satu usaha bagi mengurangkan bilangan mereka yang tidak tahu membaca dan menulis. Sehubungan dengan itu, Pengelola Pelajaran dalam ucapannya menyatakan bahawa Pejabat Pelajaran akan memberi sokongan

dengan menyediakan guru dan alatan kelengkapan sekolah.⁵⁵

Keadaan yang sama turut dilaporkan di Pahang di mana kerajaan turut menyatakan kesediaan memberi bantuan kewangan kepada kampung-kampung yang hendak mendirikan bangunan sekolah sendiri.⁵⁶ Penduduk Kampung Tanjung Bunga, lebih kurang 14 batu daripada Kuala Lipis misalnya turut mempunyai sekolah sendiri yang didirikan oleh masyarakat kampung. Malah, masyarakat kampung turut membeli sendiri barang keperluan sekolah terabit. Pada tahun 1951 dilaporkan terdapat 40 orang pelajar di mana sembilan daripadanya adalah wanita. Penduduk Kampung Tanjung Bunga sendiri turut membayar gaji seorang guru sebanyak \$80 sebulan. Di samping itu, pihak kerajaan turut membantu usaha-usaha mereka dengan sedikit wang. Pegawai Jajahan Lipis semasa merasmikan sekolah terabit mengingatkan ibubapa agar wajib memberikan pelajaran kepada anak-anak mereka supaya menjadi rakyat yang berguna.⁵⁷ Ringkasnya, masyarakat Melayu khususnya masyarakat luar bandar telah mempunyai kesedaran berhubung kepentingan pendidikan apabila secara bergotong royong mendirikan sekolah dan membayar gaji guru.

Kesimpulan

Media cetak seperti majalah dan akhbar merupakan salah satu platform yang digunakan untuk membincangkan pendekatan yang sesuai di dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala guru pula merupakan penunjuk jalan kepada para pelajar. Sehubungan dengan itu, guru seharusnya senantiasa berusaha mencari jalan untuk membaiki para pelajar supaya pekerjaan guru itu menjadi maju. Pengajaran yang sempurna mesti disertakan dengan persediaan terlebih dahulu kerana pengajaran tanpa adanya persediaan tidak akan menjadi sempurna. Guru yang mempamerkan sikap yang baik serta senantiasa berusaha memperbaiki kaedah pengajarannya ke arah yang lebih bagus merupakan seorang guru yang akan mencapai kejayaan dan kepuasan dalam pekerjaannya. Ini kerana pendidikan merupakan aset penting dalam memacu perkembangan dan kemajuan pembangunan negara.

Nota Akhir

1. Nazirah Lee, British dan Pendidikan Masyarakat Muslim di Malaya, dlm. *Bhakti Pendeta*, Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Supian Sabtu (eds), Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia. 2015, hlm. 480-497.
2. Khairi bin Ariffin, Ramli bin Saadon & Ismail Ali, Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua, *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa (MANU)* Bil. 18, 2012, hlm. 8-9.
3. Siti Zahrah Mahfood, "Kedudukan Politik dan Sosioekonomi

- Masyarakat Melayu dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua”, Tesis Doktor Falsafah, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2018, hlm. 298.
4. Parameswari Krishnan et al., Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu dan Tamil Sebelum Tahun 1957, *Jurnal Kinabalu*, Bil. 26(2), Disember 2020, hlm. 270-271.
 5. Mior Khairul Azrin Bin Mior Jamaluddin, Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional, *SOSIOHUMANIKA*, 4(1). 2011, hlm. 33-34.
 6. Ahmad Kilani Muhamed, *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*, Skudai: Penerbit UTM, 2003, hlm 1.
 7. Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies.(11)*, 2010, hlm. 121.
 8. Kamarul Azmi Jasmi et al., Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pengajian Islam Sekolah Menengah di Malaysia, *Journal of Islamic and Arabic education*, 3(1), 2011, hlm. 61.
 9. Akmariah Mamat, Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Pemulihan Jawi di Malaysia, dlm. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI Bandung*, Indonesia, 8-10 November 2010, hlm. 322.
 10. Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa, Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimin, *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1), 2014, hlm. 1.
 11. Mohamad Amirul Mohammad Yazid & Rahilah Omar, Peranan Lidah Pengarang Akhbar Berita Harian dalam Isu-Isu Politik Sejak 1957 Sehingga 1970, *Asian Journal of Environment, History and Heritage*, Disember 2017, hlm. 104.
 12. William R. Roff, *Nasionalisme Melayu*, Ahmad Boestaman (terj.) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005, hlm. 174.
 13. A.M. Iskandar Haji Ahmad, *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980.
 14. *Sahabat*, 19 November 1941.
 15. *Ibid.*
 16. Omar Mohd Hashim, *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999, hlm. 3.
 17. *Sahabat*, 19 November 1941.
 18. *Panduan Raayat*, 24 Disember 1951.
 19. Omar Mohd Hashim, *Pengisian Misi Pendidikan*, hlm. 338.
 20. *Majalah Guru*, April 1952.

21. *Ibid.*
22. Hanifah Mahat et al., Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Sains Sosial di Malaysia: Kajian Perspektif Guru Siswazah dan Pengetua Sekolah di UPSI, *Geografa*. 12(1), 2016, hlm. 39.
23. Nurul Huda Ab Rahman & Azlin Norhaini Mansor, Tahap Amalan Guru Besar Serta Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah, *Geografa*. 13 (3), 2017, hlm. 66.
24. *Majalah Guru*, Oktober 1952.
25. *Ibid.*
26. *Ibid.*
27. *Ibid.*
28. *Ibid.*
29. *Sahabat*, 31 Mac 1941.
30. *Majalah Murid*, April 1953.
31. *Utusan Zaman*, 25 Februari 1940.
32. *Bintang Malaya*, 25 Jun 1941.
33. *Ibid.*
34. *Utusan Zaman*, 25 Februari 1940.
35. *Sahabat*, 31 Mac 1941.
36. *Bintang Malaya*, 25 Jun 1941.
37. *Majalah Murid*, April 1953.
38. *Sahabat*, 31 Mac 1941.
39. *Ibid.*
40. *Majalah Murid*, April 1953.
41. *Majalah Murid*, Bil. 3, Februari 1953.
42. *Ibid.*
43. *Ibid.*
44. *Panduan Raayat*, 30-Ogos- 5 September 1954.
45. *Majalah Murid*, Bil. 3, Februari 1953.
46. *Ibid.*
47. *Majalah Guru*, Ogos 1952.
48. *Ibid.*
49. *Majallah Bulanan Malaya*, 1958.
50. *Majalah Murid*, April 1953.
51. Christina Adnin et al., Transformasi Persekutaran Sekolah Melalui Permuafakatan Sekolah dan Komuniti Luar Bandar, *Geografa*, Vol 15 (2), 2019, hlm. 88.
52. *Panduan Raayat*, 3 Ogos – 9 Ogos 1953.
53. *Ibid.*
54. *Panduan Raayat*, 14 Mei 1951.
55. *Panduan Raayat*, 21 Mei 1951.
56. *Ibid.*
57. *Panduan Raayat*, 10 September 1951.

Rujukan

- Ahmad Kilani Muhammed. 2003. *Pengurusan Pendidikan di Sekolah: Huraian Menurut Perspektif Islam*. Skudai: Penerbit UTM. <https://books.google.com.my/books?id=QYNV77rYUhIC&printsec>
- A.M. Iskandar Haji Ahmad. 1980. *Persuratkhabaran Melayu 1876-1968*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bintang Malaya*. 25 Jun 1941.
- Bintang Malaya*. 25 Jun 1941.
- Christina Adnin, Abdul Said Ambotang, Yusri Kamin & Rohana Hamzah. 2019. Transformasi Persekitaran Sekolah Melalui Permuafakatan Sekolah dan Komuniti Luar Bandar. *Geografa*. Vol (2). <https://ejournal.ukm.my/gmjss/article/view/31572>.
- Hanifah Mahat, Zainudin Othman, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Adnan Jusoh. & Norazlan Hadi Yaacob. 2016. Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Sains Sosial di Malaysia: Kajian Perspektif Guru Siswazah dan Pengetua Sekolah di UPSI. *Geografa*. 12(1). <http://jurnalarticle.ukm.my/9800/>
- Kamarul Azmi Jasmi, Mohd Faeez Ilias, Ab. Halim Tamuri & Mohd Izham Mohd Hamzah. 2011. Amalan Penggunaan Bahan Bantu Mengajar dalam Kalangan Guru Cemerlang Pengajian Islam Sekolah Menengah di Malaysia. *Journal of Islamic and Arabic education*. 3(1). <http://jurnalarticle.ukm.my/2370/>
- Khairi bin Ariffin, Ramli bin Saadon & Ismail Ali. 2012. Kurikulum Pelajaran Vernakular Melayu di Tanah Melayu Pada Zaman Kolonial British Sehingga Perang Dunia Kedua. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa (MANU)* Bil. 18.
- Mior Khairul Azrin Bin Mior Jamaluddin. 2011. Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *SOSIOHUMANIKA*. 4(1). <http://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/436/434>.
- Majallah Bulanan Melaya*. 1958.
- Majalah Guru*. April 1952.
- Majalah Guru*. Ogos 1952
- Majalah Guru*. Oktober 1952.
- Majalah Murid*. April 1953.
- Majalah Murid*. Bil. 3. Februari 1953.
- Mohamad Amirul Mohammad Yazid & Rahilah Omar. 2017. Peranan Lidah Pengarang Akhbar Berita Harian dalam Isu-Isu Politik Sejak 1957 Sehingga 1970. *Asian Journal of Environment, History and Heritage*. Disember 2017. 1(2). <http://spaj.ukm.my/ajehh/index.php/ajehh/article/view/36/61>.

- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. 2010. Peranan Sekolah dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murmi: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies.*(11). http://www.ukm.my/jmalim/images/vol_11_2010/malim_vol11_%202010.pdf.
- Nazirah Lee. 2015. British dan Pendidikan Masyarakat Muslim di Malaya. dlm. *Bhakti Pendeta*. Abdullah Zakaria Ghazali & Mohd Supian Sabtu (eds). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Nurul Huda Ab Rahman & Azlin Norhaini Mansor. 2017. Tahap Amalan Guru Besar Serta Pengajaran dan Pembelajaran Guru Sekolah Rendah. *Geografi*. 13 (3). <http://jurnalarticle.ukm.my/12536/1/20273-57863-1-PB.pdf>.
- Omar Mohd Hashim. 1999. *Pengisian Misi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Panduan Raayat*. 30 Ogos- 5 September 1954.
- Panduan Raayat*. 24 Disember 1951.
- Panduan Raayat*. Februari 1952.
- Parameswari Krishnan, J. Hinduja Jayer Raman, Said Darkasi & Rohini Krishnan. Disember 2020. Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu dan Tamil Sebelum Tahun 1957, *Jurnal Kinabalu*, Bil. 26(2), <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2778/183>.
- Roff, W.R. 2005. *Nasionalisme Melayu*. Ahmad Boestaman (terj.) Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sahabat*. 31 Mac 1941.
- Sahabat*. 19 November 1941.
- Siti Salwa Md. Sawari & Azlina Mustaffa. 2014. Guru Bersahsiah Mulia Menurut Pandang Ibnu Sahnun: Analisa Buku Adab Al Mualimin. *The Online Journal of Islamic Education*. 2(1). <https://ojie.um.edu.my/article/view/5461/3236>.
- Siti Zahrah Mahfood. 2018. “Kedudukan Politik dan Sosioekonomi Masyarakat Melayu Dalam Akhbar dan Majalah Terbitan Negeri Johor Sebelum Perang Dunia Kedua”. Tesis Doktor Falsafah. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Utusan Zaman*. 25 Februari 1940.

Nota Biografi

Wan Noorlizawati Wan Mat Ali (noorlizawati@fsk.upsi.edu.my) merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Malaysia.

Tanggungjawab Guru dalam Memperkasakan Pendidikan Menurut Majalah Berbahasa Melayu 1940-an Hingga 1950-an Nazirah Lee (nazirah@fsk.upsi.edu.my) merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah Sejarah Malaysia (Agama dan Masyarakat) dan Sejarah Islam.

Siti Zahrah Mahfood (zahrah@fsk.upsi.edu.my) merupakan pensyarah di Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bidang pengkhususan beliau ialah Pensejarahan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk Geran Penyelidikan Universiti Berteraskan Pendidikan (kod: 2018-0243-107-01) yang membantu membiayai penyelidikan ini.